



# KENYATAAN MEDIA

---

## KERAJAAN GIAT BANTERAS KEMASUKAN HARAM E-WASTE DAN SKRAP LOGAM DI PELABUHAN NEGARA

---

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) melalui Jabatan Alam Sekitar (JAS) giat membanteras kemasukan haram sisa elektronik (e-waste) dan skrap logam di pelabuhan negara.

Berdasarkan maklumat yang diterima, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dari 21 Mac 2024 hingga 19 Jun 2024 telah menahan 301 buah kontena yang disyaki mengandungi e-waste yang telah sampai di Malaysia. Hasil pemeriksaan mendapati 106 daripada kontena tersebut mengandungi e-waste dan selebihnya skrap logam.

Sehubungan itu, satu tindakan penahanan dan pemeriksaan bersepadu dilaksanakan oleh agensi-agensi yang berkaitan.

Bagi kontena yang melibatkan dagangan e-waste, kes masih lagi dalam siasatan Jabatan Alam Sekitar (JAS) di bawah Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Seksyen 34B, AKAS 1974 ini memperuntukkan berkenaan kesalahan bagi sebarang penempatan buangan terjadual sama ada di darat atau ke dalam perairan Malaysia, transit atau membenarkan ditransit e-waste tanpa kelulusan daripada Ketua Pengarah Alam Sekitar dan jika disabitkan kesalahan boleh dihukum penjara tidak melebihi lima (5) tahun atau denda tidak melebihi RM500,000 atau kedua-duanya sekali.

Bagi kontena selebihnya, ia disyaki mengandungi skrap logam dan masih dalam tindakan siasatan JKDM yang tertakluk di bawah kesalahan di bawah Seksyen 135 (1a) Akta Kastam 1967 kerana mengimport barangan larangan di bawah Butiran 5 Jadual Keempat, Perintah Kastam (Larangan Mengenai Import) 2023. Sebarang pengimportan skrap logam perlu mengikut tatacara yang telah digariskan oleh MITI yang mana pihak pengimport perlu mendapatkan Certificate of Approval (COA) daripada SIRIM.

NRES melalui JAS akan terus memperkasa pemantauan dan penguatkuasaan bagi pengimportan e-waste yang digunakan oleh industri kitar semula. Tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pengimport yang gagal mematuhi peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan termasuklah menghantar balik kontena e-waste import tersebut ke negara asal selaras dengan Artikel 9, Konvensyen Basel.

JAS merupakan agensi yang bertanggungjawab dalam mengawal pengimportan dan pengeksportan buangan yang diklasifikasi sebagai buangan berbahaya di bawah Konvensyen Basel sejak 1993. Buangan tersebut dikategorikan sebagai buangan terjadual di bawah Peraturan-Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005. Sebarang pergerakan merentasi sempadan bagi buangan berbahaya hendaklah memenuhi sepenuhnya prosedur yang ditetapkan di bawah Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Merentasi Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusannya.

Saya ingin menegaskan bahawa adalah menjadi dasar negara untuk tidak membenarkan pengimportan e-waste dan tindakan akan diambil kepada pihak pengimport, ejen penghantaran dan logistik, pengangkutan kargo dan “liners/carriers” yang terlibat dalam pengimportan buangan berbahaya termasuk e-waste secara haram.

NRES komited dan memandang serius sebarang aktiviti penyeludupan rentas sempadan. Tindakan tegas akan dikenakan terhadap sebarang salah laku dalam memastikan negara tidak dijadikan tempat pelupusan buangan berbahaya oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**

**26 JUN 2024**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)  
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

